

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]

TARIKH : 4 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN CHA KEE CHIN minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian akan mempertimbangkan kemungkinan memberikan vaksin COVID-19 kepada kanak-kanak di antara 7 hingga 12 tahun, sebelum mereka kembali secara fizikal ke sekolah untuk pembelajaran secara fizikal dan memberikan huraian terhadap keputusan yang diambil.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, belum ada lagi vaksin COVID-19 yang diluluskan untuk diberikan kepada kanak-kanak berumur bawah 12 tahun. Sehubungan itu, Kementerian tiada perancangan untuk memberikan vaksin COVID-19 kepada kanak-kanak berumur bawah 12 tahun. Namun begitu, sekiranya terdapat vaksin yang sesuai dan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah untuk kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah, keperluan untuk memperluaskan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) di kalangan kumpulan tersebut akan dinilai oleh Kerajaan

Sekian, terima kasih.